

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama  
Sidang 1987/88

PLG\_454 - Penerbitan Rancangan-Rancangan Pendidikan

Tarikh: 28 Oktober 1987

Masa: 9.00 pagi - 12.00 tengahari  
(3 jam)

-----  
Jawab mana-mana EMPAT soalan.

1. Jelaskan bagaimanakah model komunikasi manusia oleh Claude E Shannon dan Wilbur Schramm dapat digunakan sebagai prinsip asas untuk merancang satu penerbitan rancangan pengajaran samada secara rakaman audio atau video.
2. (a) Jelaskan apakah ciri-ciri istimewa rakaman audio dan video sebagai bahan pengajaran.  
(b) Dengan memberikan misal-misal, bagaimanakah anda mempergunakan ciri-ciri itu untuk menghasilkan rancangan audio atau video pengajaran yang berkesan.
3. (a) Jelaskan pelbagai ciri dan jenis mikrofon.  
(b) Berasaskan kepada kefahaman anda mengenai perkara di atas, bagaimanakah anda dapat memberikan pandangan professional anda kepada pihak pentadbiran sekolah sekiranya mereka merancang untuk mendapatkan satu sistem siaran yang akan mampu memberikan prestasi cemerlang di dalam pelbagai acara di sekolah.
4. (a) Senaraikan LIMA elemen asas di dalam penerbitan drama audio.  
(b) Jelaskan pecahan-pecahannya dan bagaimanakah elemen-elemen ini dipergunakan di dalam penerbitan audio.
5. Jelaskan pelbagai aspek syot yang membolehkannya membentuk rangkaian unit visual yang baik dan berkesan di dalam penerbitan bahan video.

...2/-

6. Suntingan dan pengadunan adalah antara faktor penting untuk mengujudkan satu rancangan video yang bermutu. Jelaskan:

- (a) Pelbagai aspek di dalam suntingan video;
- (b) Apakah aspek-aspek dan prinsip-prinsip di dalam suntingan yang dapat menolong mengujudkan rancangan video yang bermutu.

7. Bagi bahan isian pita audio dan pita video, jelaskan:

- (a) Pembinaan asas fizikalnya;
- (b) Kerosakan/penurunan mutu yang sering terjadi ke atasnya.
- (c) Syor-syor cara penyimpanan dan penyenggaraan yang dapat mengelakkan dari (b) itu berlaku.

ooo000ooo